

Ruj. Kami : MQA.100-1/3/2 ( 24 )

Tarikh : 2 Oktober 2024

## KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

### SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 6/2024

#### KRITERIA UNTUK DIPELAWA SEBAGAI PUSAT PENILAIAN APEL.A

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana tuan/puan sedia maklum, agenda pembelajaran sepanjang hayat melalui *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) telah mula dilaksanakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia semenjak tahun 2011.

3. MQA melalui Surat Makluman MQA Bil. 2/2022 bertarikh 17 Mac 2022 telah mempelawa mana-mana Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang berminat dan mempunyai potensi sebagai Pusat Penilaian APEL.A (PPA) sama ada secara terbuka mahupun secara dalaman beserta kriteria tertentu yang telah ditetapkan sebagai syarat umum untuk memohon sebagai PPA.

4. MQA telah membuat **penambahbaikan terhadap kriteria bagi permohonan sebagai PPA** bagi memastikan sistem penilaian APEL.A dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Pelaksanaan kriteria baharu bagi permohonan PPA ini **berkuatkuasa bermula 1 Disember 2024**. Susulan penambahbaikan yang telah dibuat, surat makluman ini **membatalkan Surat Makluman MQA Bil. 2/2022 bertarikh 17 Mac 2022**.

5. Sehubungan itu, mana-mana PPT yang berminat dan berpotensi sebagai PPA sama ada secara terbuka mahupun secara dalaman hendaklah mengambil perhatian terhadap kriteria-kriteria yang ditetapkan seperti dalam **Lampiran 1** sebagai syarat umum untuk dipelawa sebagai PPA. PPT boleh mengemukakan surat permohonan kepada MQA dengan disertakan justifikasi berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

6. PPT dimohon untuk mengambil perhatian yang sewajarnya terhadap perkara ini dalam usaha meyokong pelaksanaan agenda pembelajaran sepanjang hayat di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**“PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)**

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha  
Pejabat Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 17, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**
  
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 9, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**
  
3. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 8, Blok E8, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62604 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**
  
4. YBhg. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w  
Persiaran Perdana, Presint 4  
**62100 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**
  
5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi  
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 18, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**
  
6. Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)  
Tingkat Bawah, Menara PTPTN  
Blok D, Megan Avenue II  
No.12, Jalan Yap Kwan Seng  
**50450 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

7. Ketua Pegawai Eksekutif  
Education Malaysia Global Services (EMGS)  
Tingkat 20, Menara TA One  
22 Jalan P Ramlee  
**50250 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**
  
8. Sekretariat  
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)  
Pejabat Naib Canselor  
Aras 2, Bangunan Canseleri  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)  
**35900 TANJONG MALIM, PERAK**
  
9. Sekretariat  
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Universiti Sains Malaysia (USM)  
**11800 USM, PULAU PINANG**
  
10. Sekretariat  
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam  
Institusi Pengajian Siswazah (IPSiS)  
Tingkat 4, Bangunan Sarjana  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
**40450 SHAH ALAM, SELANGOR**
  
11. Sekretariat  
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)  
Pendaftar International Medical University (IMU)  
No.126, Jalan Jalil Perkasa 19  
Bukit Jalil  
**57000 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

12. Presiden  
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera  
Malaysia (PKIBM)  
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti  
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1  
Bandar Baru Nilai 1  
**71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN**
  
13. Presiden  
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)  
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)  
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia  
Bukit Jalil  
**57000 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**
  
14. Presiden  
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)  
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1  
**46050 PETALING JAYA, SELANGOR**
  
15. Presiden  
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)  
1<sup>st</sup>-3<sup>rd</sup> Floor  
85, Jalan Gaya  
**88000 KOTA KINABALU, SABAH**
  
16. Presiden  
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)  
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of  
Advance Technology Sarawak  
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya  
**93350 KUCHING, SARAWAK**
  
17. Presiden  
Society For Malaysian Higher Education Institutions Quality Assurance  
Network (MyQAN)  
UCSI University  
No. 1, UCSI Heights, Jalan Puncak Menara Gading  
Taman Connaught, Cheras  
**56000 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**PANDUAN UMUM:  
KRITERIA PERMOHONAN SEBAGAI PUSAT PENILAIAN APEL.A**

**KRITERIA PPA TERBUKA**

BIL.	KRITERIA PPA TERBUKA
1.	IPTA (Universiti Awam/ Politeknik/ Kolej Komuniti) IPTS (Universiti/ Kolej Universiti)
2.	Mempunyai kelulusan Pusat Penilaian APEL.C; <b>ATAU</b> Perakuan Akreditasi sebagai Pusat Penilaian APEL.A secara Dalaman; <b>DAN</b> Mempunyai rekod prestasi (track-record) pelaksanaan melibatkan MOOC, Micredentials dalam tempoh tiga (3) tahun terkini.
3.	Mempunyai <i>niche area</i> penawaran program sekurang-kurangnya tiga (3) bidang utama (NEC code broad field) bagi memberikan pilihan penilaian kepada calon APEL.A.
4.	Mempunyai Unit Jaminan Kualiti yang bertanggungjawab terhadap jaminan kualiti dalaman institusi; <b>DAN</b>
5.	Prestasi penilaian program Akreditasi dalam tempoh tiga (3) tahun terkini; <b>ATAU</b> Lulus Pematuhan Status Swaakreditasi bagi PPT berstatus swaakreditasi.
6.	Tiada aduan salah laku yang telah dibuktikan (sebagai contoh: Aduan pelanggaran syarat kemasukan pelajar dan sebagainya) dalam tempoh tiga (3) tahun terkini.  (Aduan yang direkodkan oleh UIP MQA dan BPI, JPT)
7.	PPT perlu menawarkan sekurang-kurangnya lima (5) program <i>homegrown</i> pada mana-mana tahap MQF (T-4 hingga T-8) yang telah mendapat Akreditasi Penuh termasuk satu (1) daripadanya adalah pada tahap APEL.A yang dimohon.
8.	PPT mempunyai staf yang telah lulus program <i>Certified Officer in Quality Assurance of Higher Education</i> (CQA) sekurang-kurangnya Tier 1.

## KRITERIA PPA DALAMAN

BIL.	KRITERIA PPA DALAMAN
1.	IPTA (Universiti Awam/ Politeknik/ Kolej Komuniti) IPTS (Universiti/ Kolej Universiti)
2.	Mempunyai Unit Jaminan Kualiti yang bertanggungjawab terhadap jaminan kualiti dalaman institusi; <b>DAN</b>
3.	Prestasi penilaian program Akreditasi dalam tempoh tiga (3) tahun terkini; <b>ATAU</b> Lulus Pematuhan Status Swaakreditasi bagi PPT berstatus swaakreditasi.
4.	Tiada aduan salah laku yang telah dibuktikan (sebagai contoh: Aduan pelanggaran syarat kemasukan pelajar dan sebagainya) dalam tempoh tiga (3) tahun terkini. (Aduan yang direkodkan oleh UIP MQA dan BPI, JPT)
5.	PPT perlu menawarkan sekurang-kurangnya lima (5) program <i>homegrown</i> pada mana-mana tahap MQF (T-4 hingga T-8) yang telah mendapat Akreditasi Penuh termasuk satu (1) daripadanya adalah pada tahap APEL.A yang dimohon.
6.	PPT mempunyai staf yang telah lulus program <i>Certified Officer in Quality Assurance of Higher Education</i> (CQA) sekurang-kurangnya Tier 1.